



## ARTIKEL AMBD

### **MAJU KE HADAPAN : MENEROKA SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN KEBANGSAAN NEXT-GEN DAN MASA DEPAN**

Pada lazimnya, proses pembayaran dan penyelesaian memakan masa yang agak panjang; contohnya, pemindahan dana boleh mengambil masa beberapa hari sehingga ber-minggu-minggu bagi urusniaga tempatan. Manakala urusniaga merentas sempadan atau *cross-border* pula boleh mengambil masa yang lebih panjang, di mana ianya boleh memakan masa dua atau tiga kali lebih lama daripada urusniaga tempatan disebabkan kerumitan yang ditangani dengan matawang dan zon waktu yang berlainan. Disamping itu, kos bagi proses pembayaran dan penyelesaian pada sebelum ini juga adalah sangat tinggi bagi pelanggan dan institusi kewangan. Pencetakan pertama 'cek' atau 'cheques' bermula di England pada tahun 1762 dan ianya masih digunakan secara meluas sehingga sekarang. Penggunaan cek banyak menggunakan kertas yang mana perkara tersebut mempunyai impak negatif terhadap alam sekitar kita.

Kos proses pembayaran tradisional, jika kita melihat secara menyeluruh, juga adalah sangat tinggi. Kebanyakan organisasi mencetak pelbagai cek setiap hari dan menanggung kos operasi yang tinggi termasuklah duti setem dan yuran pentadbiran bagi setiap cek. Tidak termasuk kos pemprosesan, terdapat juga kos logistik yang lain seperti kos pengangkutan bagi mengagihkan cek-cek tersebut ke bank-bank. Kos ini boleh mencapai sehingga 10 ringgit bagi setiap cek yang dicetak.

Sejak abad ke-21, proses pembayaran telah berkembang pesat dengan peningkatan teknologi yang inovatif. Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD) telah memperkenalkan projek Sistem Penyelesaian Pembayaran Kebangsaan (NPSS), yang menyediakan tiga sistem yang berbeza bagi kemudahan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam. Objektif projek ini adalah untuk mewujudkan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang moden. Ketiga-tiga sistem tersebut adalah sistem *Real Time Gross Settlement* (RTGS) yang diperkenalkan pada 7 November 2014, sistem *Automated Clearing House* (ACH) pada 26 Mei 2016 dan baru-baru ini *Central Securities Depository* (CSD) pada 12 Mei 2017.

#### **RTGS : Cepat, Mudah dan Selamat**

Dengan adanya sistem RTGS, proses pemindahan pembayaran individu (secara *gross*) yang bernilai besar dan diperlukan segera di antara bank-bank akan menjadi lebih mudah. Pemindahan tersebut juga dapat dilakukan dalam persekitaran rangkaian yang selamat dan terjamin. YM Haji Adi Marhain bin Haji Leman, Penolong Pengarah Urusan AMBD, Jabatan

Operasi Monetarimenyatakan “Sistem RTGS ini adalah nadi sistem pembayaran yang memberikan kecairan kewangan atau *financial liquidity* kepada sistem kewangan negara”.

Semua pemindahan di antara bank-bank diselesaikan melalui dana bank-bank berkenaan yang terdapat di dalam sistem RTGS AMBD, dan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan. Ini memberikan jaminan kepada pembayaran di antara semua institusi kewangan dan pelanggan-pelanggan mereka, dan seterusnya, meningkatkan kestabilan sistem kewangan.

#### ACH : Sistem Penjelasan Centralized

Sistem ACH ditubuhkan untuk memudahcara proses transaksi elektronik bagi pemindahan kredit dan cek pelanggan. Jumlah transaksi bagi instrumen pembayaran dikumpulkan dalam satu atau lebih transaksi untuk diproses melalui sistem ACH. Transaksi tersebut akan diproses pada masa yang ditetapkan dan seterusnya, akan diselesaikan di dalam sistem RTGS. Dengan adanya sistem ACH ini juga, proses penjelasan cek dapat dikurangkan dari 4 hari ke 2 hari. Pelanggan dan syarikat-syarikat perniagaan kini boleh menggunakan sistem baru yang lebih kos-efisyen ini bagi pemindahan wang, melaksanakan proses bagi pembayaran gaji dan pembayaran bil.

#### CSD : Membangun Pasaran Modal Brunei

Sistem yang baru diperkenalkan, sistem CSD, akan membolehkan AMBD mendaftarkan dan memegang sekuriti di dalam format “*dematerialized*” bagi memudahkan proses pemilikan melalui *book entry* berbanding dengan pemindahan sijil sekuriti secara fizikal. Sistem CSD ini memanfaatkan sistem RTGS bagi penyelesaian sekuriti di antara peserta-peserta CSD yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan berlesen dan agensi-agensi kerajaan. Pada masa ini, program Sukuk Al-Ijarah Kerajaan sudah mula menggunakan sistem ini. Jenis sekuriti-sekuriti yang lain juga mempunyai potensi untuk diperluaskan pada masa yang akan datang.

#### **NPSS – Dibina untuk Orang Awam**

Dalam era digital ini, pelanggan kewangan adalah jauh berbeza dari era sebelumnya. Kebanyakan pelanggan mempunyai keinginan untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih pantas (*almost instantaneous*), dipercayai dan lebih efisyen. Dalam pada itu, AMBD terus bekerjasama rapat dengan sektor perbankan bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan transaksi kewangan secara elektronik daripada penggunaan kertas seperti cek dan sijil fizikal.

NPSS merupakan platform bagi industri perbankan untuk menyediakan lebih banyak produk yang inovatif dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan mereka. Ini akan membolehkan pelanggan-pelanggan perkhidmatan kewangan di negara ini untuk melakukan pembayaran-pembayaran elektronik dengan lebih mudah, cepat dan selamat.

Sejajar dengan *Financial Sector Blueprint* (2016-2025) Negara Brunei Darussalam, projek NPSS bertujuan untuk membawa perubahan dan pembangunan positif kepada ekosistem kewangan negara. Ini termasuk menyokong pembangunan pasaran modal, mempunyai infrastruktur kewangan yang mantap dan moden bagi menggalakkan pembayaran elektronik, memupuk perhubungan di antara ekonomi-ekonomi antarabangsa dan kewangan Islam.

Negara Brunei Darussalam kini hampir mencapai visi *ASEAN Economic Community* (AEC) dengan penggunaan piawaian sama bagi persepaduan pembayaran di rantau ini. Negara Brunei Darussalam adalah negara pertama di ASEAN untuk menggunakan ISO20022 *financial messaging standard*, yang diiktiraf secara meluas sebagai piawaian masa depan, dan seterusnya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai penanda aras bagi negara-negara ASEAN yang lain dari segi penggunaan *financial messaging standard*.